


Penjelasan isu subsidi

HARIAN METRO 03/06/2010 M/S 20



SENATOR DATUK SERI IDRIS JALA

RENCANA ini adalah pandangan dan syor Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU) dan Makmal Rasionalisasi Subsidi, tidak semestinya menggambarkan pendirian kerajaan.

Selepas Hari Terbuka Rasionalisasi Subsidi, kami menerima banyak maklum balas sama ada melalui e-mel, SMS dan saluran media alternatif menuntut penjelasan selain mencabar fakta dan analisis makmal subsidi yang dibentangkan.

Kami berasakan perlu memberi penjelasan kepada masyarakat bagi membolehkan mereka yang tidak berkesempatan hadir dan mempunyai peluang bertanyakan soalan memperoleh manfaat atas penjelasan ini.

Antara soalan yang kerap diajukan berikutan maklum balas yang kami keluarkan berhubung perkara ini ialah:

1. Mengapa anda membuat kenyataan bahawa Malaysia bakal mufliis menjelang 2019? Adakah anda sengaja mengelirukan kami?

Pada Hari Terbuka itu, saya membentangkan beberapa fakta ekonomi yang sangat ketara. Sejak 10 tahun lalu, kita merokot defisit fiskal yang mencatat pertumbuhan progresif daripada RM5 bilion pada 1998 kepada RM47 bilion pada 2009. Ini anta-

ranya disebabkan perbelanjaan kerajaan termasuk pemberian subsidi yang melonjak naik di mana perolehan kerajaan tidak selari dengan ekonomi negara. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tumbuh hanya pada paras tiga peratus setahun.

Berikutan itu, kerajaan terpaksa membuat pinjaman dalam jumlah besar bagi menampung kekurangan ini. Hutang kerajaan pada 1997 berjumlah RM90 bilion dan meningkat pada kadar 12 peratus setahun hingga mencecah RM362 bilion pada 2009.

Ditambah pula faktor Malaysia yang menjadi antara negara pemberi subsidi tertinggi dunia dengan sejumlah 4.7 peratus KDNK berbanding Indonesia (2.7 peratus), Filipina (0.2 peratus) dan negara gabungan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang secara puratanya mencatat 1.5 peratus.

Untuk makluman, saya berkata negara kita boleh jatuh mufliis jika dan saya ulangi perkataan 'jika' kita menehriskan corak sama seperti 10 tahun lalu; berdasarkan peningkatan tahunan sebanyak 12 peratus, hutang negara akan mencecah 100 peratus daripada KDNK pada 2019 (dengan jumlah mencecah RM1.158 trilion) dan negara ini berpotensi untuk jatuh mufliis pada masa itu. Dengan kadar defisit fiskal melampau 10 peratus, negara kita boleh berdepan keadaan ekonomi seperti Greece dan negara-negara mengalami nasib sama.

Semua pakar ekonomi membuat andaian dan saya tidak akan sekali-kali berkata Malaysia bakal mufliis tanpa mengemukakan andaian tertentu. Antaranya ialah:

- Ekonomi dan KDNK berterusan pada kadar tiga peratus setahun.

- Defisit negara terus melonjak pada kadar 23 peratus setahun.

- Hutang kerajaan terus meningkat pada kadar 12 peratus setahun.

Andaian ini menunjukkan, menjelang 2019, hutang negara akan berada pada paras 103 peratus daripada KDNK dan defisit fiskal pula mencecah RM449 bilion (38 peratus daripada KDNK).

Mengikut kajian dilakukan Boston Consulting Group (BCG), mana-mana negara yang mengalami krisis kedaulatan (kemufliisan) apabila:

- Hutang kerajaan melebihi 100 peratus KDNK

- Defisit fiskal melebihi 10 peratus KDNK.

Ini disebabkan:

- Perolehan kerajaan tidak mencukupi untuk membayar hutang.

- Kerajaan tidak mempunyai wang mencukupi untuk beroperasi.

Malangnya, ada antara laporan mengenai jangkaan kemufliisan ini tidak memetik sama andaian terbabit dan kerana itu, boleh menyebabkan kekeliruan.

Andaian ini kami gunakan untuk membuat ramalan mengenai masa depan. Realitinya, sebagai sebuah negara, kami akan melakukan apa yang terdaya bagi me-

ngelak perkara ini berlaku.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memperkenalkan empat teras strategik iaitu gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan (GTP); Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia ke-10 yang menjadi jalan untuk mencapai Wawasan 2020.

Masa depan di tangan kita sendiri dan jika kita bekerjasama, sememangnya kita mampu untuk mencapai Wawasan 2020. Untuk mencapai matlamat ini, kita perlu menumpukan usaha untuk melonjakkan ekonomi dan lebih berhati-hati berbelanja.

2. Tentunya terdapat perkara positif yang berlaku kepada ekonomi negara? Mengapa anda tidak mengutarakan perkara ini?

Sebenarnya saya memang mengutarakan aspek positif ekonomi. Pertama, saya menjelaskan ekonomi kita kembali berkembang pada suku pertama tahun ini sebanyak 10.1 peratus. Angka ini tertinggi dicatat dalam keputusan sukan negara bagi tempoh sedekad. Tahap kompetitif antarabangsa negara menunjukkan peningkatan daripada kedudukan di tangga ke-18 kepada kedudukan ke-10. Peningkatan lapangan kedudukan dalam tempoh setahun adalah satu lonjakan sangat memberangsangkan. Ini seharusnya memberikan kita sebagai rakyat Malaysia, keselesaan untuk membentuk masa depan negara yang lebih ge-

milang.

3. Kerajaan sepatutnya memberi fokus untuk mengembangkan ekonomi sekali gus meningkatkan perolehan kerajaan dan KDNK berbanding memberhentikan pemberian subsidi.

Seperti yang saya jelaskan pada pembentangan itu, kerajaan akan mengelolakan 12 makmal dalam Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi mengesyorkan cara untuk kita meningkatkan pertumbuhan ekonomi (Pendapatan Negara Kasar (GNI) perkapita) daripada AS\$7,000 (RM23,135) kepada AS\$15,000 (RM49,485) menjelang 2020.

Ini dapat menyumbang kepada potensi peningkatan perolehan kerajaan untuk tempoh 10 tahun lagi. Makmal terbabit yang akan beroperasi pada 1 Jun hingga akhir Julai tahun ini, diwakili lebih 400 wakil dari sektor awam dan swasta serta dikelolakan PEMANDU. Saya ada menerangkan, apabila makmal-makmal ini siap sepenuhnya, kita akan mengendalikan Hari Terbuka untuk mempamerkan syor makmal terbabit kepada orang ramai.

Makmal Rasionalisasi Subsidi berpandangan, menjadi kemestian untuk meningkatkan ekonomi, tetapi ia belum mencukupi. Kita perlu mengambil pendekatan holistik dengan mengambil kira pertumbuhan ekonomi dan perbelanjaan/pengurangan subsidi. Saya ada menerangkan mengenai perkara ini pada Hari Terbuka berkenaan.

subsidi?

Itu yang sebenarnya kita lakukan. Sebelum Hari Terbuka berkenaan, kami meminta Maxis supaya menghantar SMS kepada pelanggan bagi memperoleh maklum balas sama ada Malaysia perlu mengurangkan pemberian subsidi. Seramai 190,152 orang memberi maklum balas. Daripada jumlah itu, 115,246 orang atau 61 peratus bersetuju Malaysia mengurangkan pemberian subsidi dan 123,557 (67.5 peratus) mencadangkan pengurangan subsidi secara berperingkat dalam tempoh antara tiga hingga lima tahun.

Pada Hari Terbuka itu, seramai 1,899 orang yang hadir memberi maklum balas di mana sebanyak 1,712 orang (90 peratus) bersetuju mengenai pengurangan subsidi dan cuma sejumlah kecil (187 orang) menentang.

6. Mengapa kita tidak melindungi golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah dalam cadangan Rasionalisasi Subsidi ini?

Bagi setiap cadangan pengurangan subsidi, makmal terbabit mengesyorkan langkah untuk mengurangkan beban rakyat terutama golongan miskin.

Sebagai contoh, bagi peningkatan tarif elektrik, langkah yang diambil adalah seperti berikut; mereka yang menggunakan elektrik di bawah 100 kWh setiap bulan akan terus menikmati penggunaan secara percuma. Bagi yang menggunakan elektrik antara 101 hingga 200 kWh

4. Kerajaan sepatutnya mengurangkan perbelanjaan, bukan menumpukan usaha mengurangkan subsidi.

Sebagai sebahagian langkah mengurangkan perbelanjaan, Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2010 mengumumkan pengurangan RM24 bilion dalam perbelanjaan kerajaan dan merancang pengurangan defisit fiskal KDNK daripada 7.6 kepada 5.5 peratus. Perdana Menteri juga menekankan mengenai semua projek kerajaan perlu sepadan atau berbaloi dengan wang dibelanjakan. Pada masa depan, kerajaan akan terus mengambil langkah berhati-hati setiap kali mengeluarkan perbelanjaan dan fakta ini dapat dilihat secara jelas dalam Rancangan Malaysia ke-10.

5. Mengapa kerajaan tidak mengelolakan pungutan suara bebas daripada rakyat untuk mengukur maklum balas awam terhadap rasionalisasi

antara 101 hingga 200 kWh pula akan terus menikmati kadar tarif sedia ada. Berdasarkan statistik kami, dua golongan ini meliputi 56 peratus daripada keseluruhan pengguna.

Untuk kes kenaikan harga minyak, langkah diambil bagi meringankan beban rakyat termasuk memberi rebat tunai sebanyak RM126 setiap tahun bagi pemilik kereta 1,000cc ke bawah dan RM54 setahun bagi pemilik motosikal di bawah 250cc. Kapasiti enjin kereta dan motosikal digunakan sebagai pengukur untuk menentukan kategori golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Bagi kes tepung gandum, gula, minyak dan gas memasak, langkah pengurangan beban yang akan diambil termasuk rebat tunai RM20 seorang setiap tahun. Bagi keluarga terdiri daripada lima orang, mereka akan menerima RM100 setiap tahun.

LIHAT MUKA 21

Usaha perangi rasuah, tingkat kecekapan

HARIAN METRO 03/06/2010 M/S 21

>DARI MUKA 20

7. Kita tidak sepatutnya memberhentikan subsidi pendidikan, kesihatan dan pertanian.

Perkara ini turut dipersetujui makmal. Pendidikan ialah satu bentuk pelaburan ke atas sumber manusia. Kita akan teruskan penyediaan subsidi pendidikan seperti biasiswa, bantuan buku teks, makanan dan sebagainya. Bagaimanapun, kita akan

mengurangkan pembaziran dan penyalahgunaan umpamanya, kita menghapuskan yuran untuk pelajar luar negara. Bagi sektor kesihatan, kita akan meneruskan pemberian subsidi tetapi dengan pembayaran nominal pesakit luar sebanyak RM3 yang juga bayaran terendah di dunia. Bagi pertanian dan perikanan pula, kita tetap meneruskan subsidi tetapi kita akan menambah baik pelaksanaannya supaya subsidi itu

sampai kepada golongan sasaran.

8. Selain daripada penguurangan subsidi, kerajaan juga perlu memberi tumpuan memerangi rasuah, mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan.

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ialah memerangi rasuah. Sehingga kini, kita sudah melaksanakan beberapa

inisiatif utama untuk menjayakan usaha itu. Sebagai contoh, sejak Januari lalu, kita sudah meluluskan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblower Protection Act) di Parlimen, kita sudah mensabitkan dan menyiarkan 97 pesalah di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bagi menunjukkan ketelusan, kita juga menyiarkan 2,665 pemberian kontrak kerajaan di portal pe-

merolehan dan kita sudah menyediakan garis panduan yang jelas bagi mengelak surat sokongan daripada disalahgunakan.

Sebagai tambahan, kita juga melaksanakan Integrity Pact (Perjanjian Integriti) seperti disyorkan oleh Transparency International dalam kontrak pemerolehan kerajaan. Kerajaan juga sedang melaksanakan cadangan serta syor dikemukakan oleh laporan Ketua Audit Negara.

9. Kerajaan perlu melantik satu pasukan khas terdiri daripada individu berpengaruh untuk membincangkan semula kontrak sedia ada dengan pengeluar tenaga bebas (IPP) dan syarikat konsesitol.

Ini satu cadangan yang baik. Makmal akan mengesyorkan perkara ini kepada Kabinet.

>Penulis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri